

29 NOV 1996

Mahathir-Sains

KIKIS SIKAP RAHSIAKAN ILMU, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata budaya Timur tidak memudahkan perkembangan ilmu kerana pencipta atau penyelidik biasanya merahsiakan ilmu yang dicipta atau diterokainya.

Kerap kali ilmu ciptaan atau hasil penyelidikan akan hilang kerana kematian penyelidik dan tidak ada rekod lengkap yang disimpan untuk generasi berikutnya.

"Oleh kerana itulah maka ilmu tidak dapat tumbuh dan berkembang di Timur sebagaimana perkembangannya di negara-negara Barat," katanya ketika merasmikan Pusat Sains Negara di sini.

Beliau berkata jika Malaysia ingin mengejar kemajuan dan bersaing dengan jayanya dengan negara Barat, Malaysia bukan sahaja perlu menguasai ilmu tertentu terutamanya sains tetapi perlu menerapkan budaya ilmunan dan kaji selidik yang terdapat di Barat.

"Merahsiakan ilmu kita supaya kita seorang sahaja mendapat manfaat dan keuntungan daripadanya adalah amalan yang perlu digugurkan dengan segera," katanya.

Sehubungan itu Dr Mahathir menasihatkan rakyat Malaysia mengamalkan tabiat mencatat setiap tindakan yang diambil dan setiap hasil yang diperolehi daripada langkah itu.

"Ingatan manusia adalah lemah dan tidak boleh diharap sama sekali, tetapi catatan serta-merta yang dilakukan bukan sahaja dapat memudahkan kaji selidik tetapi akan dapat disusuli oleh orang lain jika sesuatu berlaku kepada penyelidik itu."

Dr Mahathir turut menarik perhatian kepada kelemahan orang Islam akibat daripada kelemahan pengetahuan sains di kalangan mereka sendiri.

Mereka percaya bahawa sains adalah ilmu orang bukan Islam dan akhirnya terpaksa bergantung kepada orang bukan Islam untuk mendapatkan hasil penguasaan ilmu sains termasuk ilmu ubat-ubatan, senjata dan alat komunikasi, katanya.

"Nama cerdik pandai Islam semakin hilang daripada pandangan dunia dan mereka tidak lagi dikenali sebagaimana Ibnu Sina dipanggil Avicenna dan Ibnu Rushdi menjadi Averroes."

Perdana Menteri berkata kerajaan ingin membetulkan dan melihat bukan sahaja perkembangan ilmu yang berkaitan dengan sains tetapi juga membetulkan salah anggapan terhadap sains dan penyelidikan dalam bidang ini.

Oleh itu, katanya, penubuhan pusat sains berkenaan bukanlah semata-mata untuk menjadi pusat hiburan atau produk pelancongan tetapi untuk menyedarkan rakyat terutama Bumiputera supaya menguasai sains dan teknologi serta mengambilkira peranannya dalam kehidupan harian mereka.

"Yang diperlukan bukanlah kepandaian luar biasa tetapi kesanggupan menolak kepercayaan lama yang kolot dan membuka akal fikiran kepada kemungkinan-kemungkinan yang dahulu dianggap luar biasa dan mustahil," katanya.

Sebelum itu Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata pusat itu akan menjadi sebuah pusat sains bertaraf antarabangsa yang boleh mempertingkatkan imej sains dan teknologi sebagai satu aspek yang menakjubkan dalam kehidupan seharian.

Pusat itu dilengkapi dengan sistem penguasaan bersepadu dan mempunyai dua aras ruang galeri pameran dengan keluasan 6,717.6 meter persegi, sebuah

pusat multimedia, sebuah makmal sains am, tiga bengkel dan sebuah auditorium. -- BERNAMA

WE RON